

PENGGUNAAN KAEDAH PENGECAMAN SIMBOL (KPS) BAGI MEMPERELOKKAN BACAAN AL-QURAN

Mohammad Zamri Jusoh

Jabatan Pengajian Am
Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin, Pauh Putra, Perlis
benjusohidris@gmail.com

Fariah Hussain

Jabatan Bahasa Arab
Institut Pendidikan Guru Kampus Darulaman

ABSTRAK

Membaca al-Quran memerlukan satu kaedah yang berkesan. Kertas konsep ini bertujuan untuk memperkenalkan penggunaan Kaedah Pengecaman Simbol (KPS) bagi membantu mereka yang telah dapat membaca al-Quran, tetapi bermasalah mempraktikkan hukum tajwid di dalam pembacaan al-Quran bagi menentukan bacaan dengung, tidak dengung, panjang, pendek, sebutan makhraj huruf dan tidak berkeyakinan untuk membaca dengan suara yang kuat dan berlagu. KPS merupakan satu inovasi tahsin al-Quran atau memperelokkan bacaan al-Quran. Kaedah ini mudah, berkesan dan praktikal. Tujuan KPS adalah untuk membantu pembaca al-Quran yang “fobia” tajwid. Berdasarkan kepada kajian lalu, ramai pembaca al-Quran menghadapi masalah yang kritikal membaca al-Quran secara bertajwid. Kajian ini menggunakan metod kualitatif dengan menggunakan kaedah temu bual dan analisis dokumen terhadap beberapa orang guru yang telah menggunakan kaedah KPS ini. Implikasi kajian ini ialah akan memberi nilai tambah dan mempelbagaikan kaedah kepada guru untuk mengajar al-Quran.

Kata Kunci: Pengecaman, Simbol, Tajwid, Praktikal, KPS

USING SYMBOL IDENTIFICATION METHOD (KPS) TO IMPROVE THE READING OF THE QUR'AN

ABSTRACT

Reading the Quran requires an effective method. This concept paper aims to introduce the use of Symbol Recognition Method (KPS) to help those who have been able to read the Qur'an, but have trouble practicing the law of tajwid in the recitation of the Qur'an to determine the reading of hum, not hum, long, short, pronunciation makhraj letters and not confident to read aloud and sing. KPS is an innovation of tahsin al-Quran or embellishing the recitation of al-Quran. This

method is simple, effective and practical. The purpose of KPS is to help readers of the Quran who are "phobic" tajwid. Based on past studies, many readers of the Qur'an face the critical problem of reciting the Qur'an in tajweed. This study uses a qualitative method by using the interview method and document analysis on some teachers who have used this KPS method. The implication of this study is that it will add value and diversify methods for teachers to teach the Quran.

Keywords: Recognition, Symbol, Tajweed, Practical, KPS

PENGENALAN

Al-Quran merupakan Kalam Allah yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW. Firman Allah Ta'ala dalam Surah an-Nisa (4):105 yang bermaksud: "Sesungguhnya telah Kami turunkan kepada engkau kitab itu, dengan kebenaran." Kitab itu ialah al-Quran (Hamka 2017). Bahasa yang dipilih dalam Bahasa Arab yang bererti bacaan. Terdapat pelbagai tafsiran tentang asal usul kalimah al-Quran. Sebahagian ulama berpendapat perkataan al-Quran itu nama terbitan daripada kata kerja "قرأ" (Mohd Yusuf Ahmad 2000). Al-Quran merupakan sebuah kitab sebagai panduan hidup dalam semua aspek kehidupan manusia muslim dan merupakan kitab hidayah untuk kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat. Membaca al-Quran adalah salah satu ibadah dan diberikan pahala serta rahmat kepada pembaca (Norhanan Abdul Rahman 2009). Bacaan al-Quran hendaklah menepati hukum tajwid. Mempelajari hukum tajwid merupakan fardu kifayah, namun membaca al-Quran wajib secara bertajwid (Fadzilah Haron 2010).

Ilmu tajwid ialah ilmu berkaitan dengan cara membaca dan seni bacaan, seni suara dan kemahiran dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan waqaf dan ibtida'. Ilmu ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu, iaitu ilmu yang menerangkan hukum-hukum tertentu agar al-Quran dibaca sebagaimana yang dikehendaki oleh syara', dan tajwid 'amali iaitu menunaikan segala hukum bacaan al-Quran semasa membacanya agar terpelihara kemuliaan al-Quran. Firman Allah Ta'ala dalam surah al-Muzzammil (4); "Dan bacalah akan al-Quran dengan tartil" (Imam An-Nawawi 2015; Sheikh Abdullah Basmeih 2001). Jesteru, kertas konsep ini ingin memperkenalkan satu kaedah mudah membaca al-Quran secara bertajwid. Kaedah mengajar al-Quran bukanlah satu kaedah yang statik dan tetap, tidak ada kaedah yang paling sesuai bagi setiap masa dan keadaan (Mohd Yusuf Ahmad 2000). Maka, Kaedah Pengecaman Simbol (KPS) ini diperkenalkan. Dengan KPS pembaca al-Quran tidak perlu mempelajari dan mengingati nama-nama hukum tajwid, namun pembaca dapat membaca al-Quran secara bertajwid dengan tepat dan sempurna. Pembaca hanya perlu mengecam simbol-simbol yang terdapat di dalam al-Quran Rasm Uthmani dengan istilah mudah ingat (IMI) dan dikombinasikan dengan methodogi mempelajari al-Quran seperti bacaan ikut guru (BIG), latih tubi bacaan (LTB) dan bacaan hadapan guru (BHG).

Pembaca al-Quran merasakan bahawa mereka telah membaca al-Quran dengan betul, namun pada hakikatnya mereka belum membaca al-Quran dalam erti kata yang sebenar sebagaimana yang sepatutnya kerana tidak menepati hukum tajwid. Permasalahan bacaan al-Quran yang ketara ialah berkaitan bacaan dengung, tidak dengung, panjang, pendek dan sebutan makhraj huruf yang tidak tepat. Pembaca al-Quran juga tidak berkeyakinan untuk membaca al-Quran dengan suara yang kuat dan berlagu. KPS merupakan satu kaedah jalan pintas yang amat mudah, berkesan dan praktikal serta relevan untuk semua peringkat umur. Dengan penyediaan kertas konsep ini diharapkan KPS dapat digunakan secara menyeluruh di peringkat nasional dan antarabangsa.

ULASAN KEPERPUSTAKAAN

Proses pengajaran dan pembelajaran al-Quran di Malaysia bermula semenjak kedatangan dan perkembangan Islam ke Tanah Melayu. Tercatat di dalam sejarah kedatangan Islam ke Tanah Melayu bermula tahun 903 Masihi di Kedah, 1181 Masihi di Kelantan, 1302 Masihi di Terengganu dan 1414 Masihi di Melaka. Bermula semenjak itu, proses pengajian dan pembelajaran al-Quran di Tanah Melayu berteraskan kepada Talaqqi dan Musyafahah iaitu model yang digunakan oleh Malaikat Jibril dan Rasulullah SAW. Seiring dengan perkembangan dan kemajuan dunia moden proses pengajian dan pembelajaran al-Quran juga melalui proses perubahan dan perkembangan tertentu sesuai dengan keadaan semasa (Sharifah Norshah Bani Syed Bidin, Mohd Shafiee Hamzah, Tasnim Abd Rahman, Kasimah Kamaruddin & Nik Azeah Nik Azman 2018)

Manakala al-Kailani (1986) menyebut bahawa terdapat kaedah mengajar al-Quran yang boleh dijadikan panduan kepada guru-guru al-Quran, iaitu pemilihan kaedah mesti selaras dengan objektif pengajaran, kaedah mesti sesuai dengan matapelajaran yang diajar, kaedah yang digunakan mesti sepadan dengan usia pelajar, kemampuan guru untuk mengaplikasi kaedah yang dipilih. Terdapat pelbagai model yang telah diketengahkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran al-Quran iaitu model Rasulullah SAW, Model al-Ghazali, Model Ibnu Khaldun, Model Abu Hanifa, Model al-Shatibi, Model Salim, Ahmad dan Abu Soleh, Model Kamaruddin, Model Wan Bakar, Model Jabir, Model as'Ad Humam dan Jamaluddin, Kementerian Pendidikan Malaysia dan Model Iqbal (Jasmi dan Mohd Che Noh).

Kaedah pengajaran dan pembelajaran al-Quran tidak dapat tidak hendaklah secara *talaqqi* dan *musyafahah*. Ini adalah kaedah teras pengajaran dan pembelajaran al-Quran walaupun dewasa ini terdapat pelbagai alatan canggih. Apabila bertalaqqi guru al-Quran dapat membetulkan bacaan peringkat demi peringkat mengikut teknik-teknik tertentu. Kertas konsep ini mempunyai model dan kaedah tersendiri untuk memastikan pembaca dapat membaca al-Quran secara bertajwid dan memenuhi piawai tuntutan agama. Melalui kaedah ini pembaca dapat membaca al-Quran secara bertajwid berdasarkan kepada Pengecaman Simbol yang terdapat di dalam al-Quran al-Kareem Rasm Uthmani.

Berdasarkan kepada pengamatan penulis sebagai pendidik dan guru al-Quran terdapat ramai dalam kalangan pembaca al-Quran bermasalah dalam

mengaplikasi hukum tajwid sedangkan mereka telah pun mempelajari al-Quran dan ilmu tajwid di sekolah. Maka berdasarkan kepada pengamatan tersebut penulis telah membuat kajian perpustakaan tentang keperluan mencari solusi kepada permasalahan tersebut.

PERMASALAHAN KAJIAN

Membaca Al-Quran secara bertajwid dan tartil merupakan satu tuntutan wajib. Kesalahan dan kesilapan di dalam mempraktikkan ilmu tajwid menjadikan terpesongnya makna (Ahmad Rozaini Ali Hasan, Shadli Sabarudin & Che Bakar Che Mat 2010). Pembaca juga perlu berkemahiran dalam membaca al-Quran (Mohd Yusuf Ahmad 2000). Namun dapatan kajian lepas menunjukkan bahawa kemampuan para pelajar adalah pada tahap sederhana dalam aspek pembacaan al-Quran dan masih ramai pelajar kurang menguasai kemahiran dalam pengetahuan hukum tajwid serta pembacaan secara bertajwid (Azarudin Awang, Azman Che Mat & Ahmad Nazuki Marzuki Yaakub 2011). Sepatutnya istilah 'buta al-Quran' tidak berlaku dalam kalangan masyarakat kerana pelbagai kaedah diusahakan oleh ulama sejak dahulu hingga kini (Che Pee Saad, Siti Safariah Abdullah Omar, Mohd Mahzan Awang & Sayuti Abd Ghani 2014). Sejajar kajian lepas (masitah 2014), yang menyatakan bahawa sekiranya mana-mana kaedah yang diajar itu kurang memberangsangkan pemilihan kaedah yang lebih baik disarankan bagi mengatasi masalah kegagalan membaca al-Quran dan kegagalan membaca al-Quran secara bertajwid. Justeru kaedah KPS diperkenalkan bagi tujuan memudahkan pelajar dan masyarakat membaca al-Quran secara bertajwid dan mudah.

METOD KAJIAN

Kertas konsep ini hanya menggunakan kaedah kualitatif. Hal ini kerana pengkaji hanya berhasrat untuk memperkenalkan kaedah yang telah diinovasikan kepada masyarakat dengan tujuan untuk di aplikasi semasa membaca al-Quran. Kaedah ini telah digunapakai oleh anak didik pengkaji di beberapa buah pusat pengajian al-Quran. Kaedah yang dibangunkan ini telah didedahkan kepada guru secara berkala. Data akan dianalisis melalui temu bual guru yang menggunakan kaedah pengecaman simbol dan analisis dokumen. Pengkaji akan menyediakan protokol temu bual semi struktur sebagai panduan untuk menemubual beberapa orang guru. Semua bahan bertulis akan dianalisis sebagai analisis dokumen. Seterusnya data temu bual akan di transkripan dan dianalisis secara berterusan menggunakan perisian software Atlas ti8.

KAEDAH PENGECAMAN SIMBOL

Kaedah Pengecaman Simbol (KPS) merupakan satu inovasi praktikal memperelokkan bacaan al-Quran secara bertajwid (*Tahsin* al-Quran) tanpa perlu mempelajari, menghafal dan mengingati nama-nama hukum ilmu tajwid seperti Hukum Lima seperti Izhar, Ikhfa', Idgham Bila Ghunnah, Idgham Maal Ghunnah

dan Iqlab. Manakal Hukum Mad pula seperti Mad Asli dan Mad Far'ei seperti Mad Wajib Muttasil, Mad Jaiz Munfasil, Mad 'Arid Lissukun dan lain-lain. Namun pembaca wajib mempraktikkan dan memperdengarkan bacaan kepada guru al-Quran secara bertalaqqi. Fokus utama KPS ialah bacaan dengung, bacaan tidak dengung, bacaan panjang, bacaan pendek dan sebutan makhraj huruf. Penguasaan lima aspek tersebut sebagai asas utama dalam membaca al-Quran. Keupayaan menguasai lima asas ini secara tidak langsung melahirkan keyakinan diri untuk membaca al-Quran dengan suara yang kuat dan berlagu. Seajar dengan itu, penggunaan KPS akan dapat membantu pembaca membaca secara bertajwid dari aspek dengung, tidak dengung, panjang, pendek dan makhraj huruf yang betul serta mempunyai keyakinan diri untuk membaca dengan suara yang kuat dan berlagu.

KPS amat mudah diaplikasi kerana menggunakan istilah-istilah bahasa arab dan bahasa melayu yang mudah dan selalu digunakan. Contoh penggunaan istilah bahasa arab iaitu fathatain, kasrotain, dhommatain, syaddah, sukun dan lain-lain. Manakala contoh bahasa Melayu iaitu seperti selisih, sama, kening, kecil, kosong dan lain-lain. Penyusunan istilah-istilah yang terdapat di dalam jadual KPS disusun mengikut kategori dengung, tidak dengung, panjang, pendek dan makhraj huruf yang terpilih. Kategori simbol dengung terbahagi kepada 8 simbol, kategori simbol tidak dengung terbahagi kepada sembilan simbol, kategori simbol panjang terbahagi kepada sebelas simbol dan kategori simbol pendek terbahagi kepada empat simbol. Susun atur setiap simbol untuk setiap kategori tersebut mempunyai cara dan kaedah tertentu bagi memudahkan pembaca mengingatnya.

Antara contohnya simbol dengung iaitu "م". Terdapat tiga simbol "mim" yang wajib dibaca dengan dengung iaitu mim kecil, mim kosong dan mim syaddah. Perletakkan mim syaddah itu diakhir kategori mim bagi memudahkan ingatan kepada pembaca tentang simbol dengung terakhir iaitu "Nun Syaddah". Pembaca Cuma perlu menggantikan huruf "nun" mengganti tempat "mim". Pembaca tidak perlu untuk mengambil masa yang panjang untuk mengingati simbol-simbol dengung tersebut.

Setelah pembaca telah mengingati terdapat lapan simbol dengung, maka secara tidak langsung pembaca telah mengetahui bahawa selain daripada simbol tersebut bacaannya adalah tidak dengung. Namun bagi mengukuhkan lagi keyakinan dan kefahaman dinyatakan di dalam jadual bahawa simbol tidak dengung terdapat sembilan simbol. Sekali lagi kedudukan simbol-simbol itu diimbangkan bagi memudahkan ingatan dan kefahaman.

KPS menjadikan fitrah kehidupan seorang insan sebagai model dan pembelajaran secara tidak langsung. Fitrah kehidupan adalah guru penting dalam kehidupan manusia. Di awal kehidupan semasa kanak-kanak, kita lebih mengenali bunyi terlebih dahulu jika hendak dibandingkan dengan nama. Bunyi binatang adalah sinonim kepada nama binatang jika ditanya kepada seseorang anak kecil. Contohnya, bila ditanya tentang "lembu" kanak-kanak akan menjawab bahawa binatang tersebut ialah "boh". Begitu juga "kucing" dikenali sebagai "meow", begitulah juga ayam, itik, kerbau, harimau dan lain-lain.

Isyarat atau bahasa badan amat penting di dalam pendidikan. KPS menjadikan “isyarat” sebagai pra syarat di dalam pendidikan al-Quran bagi memudahkan pembaca untuk mengingatnya. Bahasa badan ini mempunyai perkaitan rapat dengan pemilihan istilah KPS bahasa arab seperti fathatain, kasrotain, dhommatain, syaddah dan lain-lain kerana disebalik penggunaan istilah-istilah tersebut ianya tersirat dengan maksud tertentu. Sehubungan dengan itu, bahasa badan dapat diaplikasikan sejajar dengan maksud-maksud yang tersirat tersebut. Contohnya, fathah bermaksud “buka”, kasroh bermaksud “pisah/pecah” iaitu memisahkan bibir mulut atas dan bawah ketika menyebutnya, manakala dhommah pula bermaksud “kumpul atau muncung”.

Bahasa isyarat atau bahasa badan akan menjadi sinonim dengan hukum-hukum tertentu bersesuaian dengan simbol-simbol KPS. Contohnya, mim kecil atau mim kosong selepasnya terdapat huruf ba, cara bacaannya dengan dengung dan membuka sedikit mulut sekadar sehelai kertas. Pada ketika itu, isyarat perlu ditunjukkan untuk menunjukbuktikan pembukaan mulut yang sedikit tersebut dengan menggunakan isyarat ubi jari dan jari telunjuk yang didekatkan dengan jarak yang menunjukkan sedikit. Begitu juga bacaan dengung berharuf ya dan wau. Dengung wau mendongak ke atas langit manakala dengung wau tunduk bawah ke dasar bumi.

KPS merupakan satu kaedah mudah, berkesan dan amat relevan untuk semua peringkat umur bagi meningkatkan mutu bacaan al-Quran terutamanya kepada golongan lepasan SPM atau dewasa yang berhajat dan berminat untuk meningkatkan mutu bacaan al-Quran secara bertajwid dan tartil. Mengingati simbol lebih mudah daripada mengingati nama-nama hukum tajwid. Kesukaran mengingati nama dan ditambah dengan kesukaran untuk mempraktikkan bacaan secara bertajwid menyebabkan kesukaran berganda. Kesukaran berganda ini akan menyebabkan pembaca akan menjadi “fobia” dengan al-Quran. Kaedah terbaik ialah jinakkan pembaca terlebih dahulu dengan KPS selepas itu mereka mempunyai motivasi untuk mempelajari nama-nama ilmu tajwid. Maka KPS itu adalah solusi terbaik. Pembaca mampu membaca dengan bertajwid dan seterusnya menguasai ilmu tajwid.

OBJEKTIF KPS

Objektif utama KPS ialah dapat membantu pembaca memperelok dan memperkemaskan mutu bacaan al-Quran. Kedua ialah dapat membantu dan mempermudah guru al-Quran mengajar al-Quran kepada pembaca bagi meningkatkan mutu dan kualiti bacaan al-Quran. Manakala yang ketiga ialah pelajar dapat mengaplikasikan kaedah KPS ketika membaca al-Quran dan yang keempat ialah dapat memperkenalkan dan memperluaskan kaedah KPS kepada masyarakat Malaysia khususnya kepada pelajar –pelajar sekolah yang memilih bahasa Arab adalah bahasa kedua.

HURAIAN LENGKAP KPS

Huraian lengkap KPS boleh dirujuk pada QR Kod dan gambar poster dibawah;

تحسين القرآن

KPS

KAEDAH PENGECAMAN SIMBOL
 EFEKTIF • PRAKTIKAL • RELEVAN

KAEDAH PENGECAMAN SIMBOL (K . P . S)			
DENGUNG	TIDAK DENGUNG	PANJANG	PENDEK
❖ NUN KOSONG إِنْ شَاءَ اللَّهُ	• NUN KOSONG كَلَّا لَئِنْ لَمْ يَنْتَه	ALIF KOSONG وَالْقَائِس	WAU SUKUN وَتَوَاصَوْا بِالصَّبْرِ
❖ FATHATAIN SELISIH فَمَتَا قَلِيلًا	• FATHATAIN SELISIH مُصَدِّقًا لَمَّا	WAU KOSONG زُورِسْكُمْ	YA SUKUN أَرْعَيْتَ الَّذِي
❖ KASROTAIN SELISIH طَعَامٍ وَاحِدًا قَادُحُ	• KASROTAIN SELISIH فَمَرَقٍ رَزَقًا	YA KOSONG فَسَيَكْفِيكُمْ	KOSONG BULAT وَأُولَئِكَ
❖ DHOMMATAIN 99 مُخْرِجٍ مَّا	• DHOMMATAIN 99 فَاقِعٍ لَوْنُهَا	ALIF KECIL أَعْمَلْكُمْ	KOSONG BUJUR وَلَا أَنَا عَابِدٌ
MIM KECIL تُثْبِتُ الْأَرْضُ	NUN SUKUN مِنْ خَشْيَةِ اللَّهِ	WAU KECIL أَهْلُهُ حَاضِرِي	MAKHRAJ HURUF
MIM KOSONG لِيُحَاجُّوكُمْ بِهِ	FATHATAIN SAMA قَوْلًا غَيْرَ الَّذِي	YA KECIL أَهْلٍ بِهِ لِيُغَيِّرَ	ا ب ت ث ج ح خ
MIM SYADDAH ثُمَّ تَوَلَّيْتُمْ	KASROTAIN SAMA يُغْفَلُ عَمَّا	WAU SUKUN WAQAF خَوْفٍ ⑤	د ذ ر ز س ش ص
NUN SYADDAH وَأَنَّهَا لَكَبِيرَةٌ	DHOMMATAIN 69 خَوْفٍ عَلَيْهِمْ	YA SUKUN WAQAF فُرْدَيْسٍ ⑥	ض ط ظ ع غ ف
❖ SYARAT DENGUNG Tidak Terdapat Huruf Lam/Ro BENTUK DENGUNG 1. D15 = DMS : د ذ ر ز س ش ص ط ظ ف ق ك 2. D6 = DMP : ي و م ن ن م 3. D2 = DBMS : Mim Kecil / Mim Kosong Bertemu Huruf Ba	MIM SUKUN وَإِذْ قَتَلْتُمْ نَفْسًا	FATHATAIN WAQAF صَبِيحًا ⑦	ق ك ل م ن و ه ي
	• SYARAT TIDAK DENGUNG Terdapat Huruf Lam / Ro	KENING أَنُحَاجُّونَنَا	PILIHAN MAKHRAJ
		ALLAH مَا أَنْزَلَ اللَّهُ	أَثْ أَذْ أَظْ : أَذْ أَرْ :
			أَغْ أءْ : أَخْ أة : أَثْ أَطْ : أَثْ أَسْ أَصْ : أَمْ أَنْ : أَحْ أَقْ أَكْ : أَقْ أَظْ أَبْ أَحْ أَدْ : رِرْ رُ : رِ رِضْ

KPS ialah Inovasi Tahsin al-Quran bertajwid tanpa perlu mengetahui nama hukum tajwid, hanya berpandukan simbol yang terdapat di dalam al-Quranul Kareem Rasm Uthmani

Rajah 1: Poster KPS



Rajah 2: QR Kod Nota Lengkap KPS

KEPENTINGAN KAJIAN DAN CADANGAN LANJUTAN

Penggunaan KPS sesuai untuk semua lapisan umur termasuk golongan kanak-kanak, remaja, dewasa dan warga emas yang telah mengenal makhraj huruf terutama yang telah boleh membaca al-Quran. Harapan pengkaji agar KPS ini dapat dibukukan dan diterbitkan untuk dimanfaatkan oleh institusi pendidikan agama Islam di Malaysia termasuk Institusi pendidikan tinggi awam dan swasta di samping memperbanyakkan program latihan “ToT” kepada guru-guru al-Quran.

KESIMPULAN

Pengajaran dan pembelajaran al-Quran adalah wajib kepada semua umat Islam kerana ia adalah asas bacaan dalam solat dan juga tunggak kepada syiar Islam. Kaedah-kaedah pengajaran dicipta oleh manusia bagi melicinkan lagi proses pembelajaran al-Quran. Masalah seperti buta al-Quran tidak harus berlaku kepada umat Islam kerana pelbagai kaedah diusahakan oleh ulama sejak dahulu hingga kini. Terpulang kepada umat Islam untuk memilihnya. Salah satu kaedah tersebut adalah Kaedah Pengecaman Simbol (KPS) yang dapat mempercepatkan seseorang membaca al-Quran dan menguasai tajwid. Pemilihan kaedah pengajaran memberi impak yang sangat besar dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

RUJUKAN

- Ahmad Rozaini Ali Hasan, Shadli Sabarudin & Che Bakar Che Mat. 2010. Tahap Penguasaan Bacaan al-Quran di Kalangan Pelajar-Pelajar UITM Sarawak. Shah Alam Selangor.
- Azarudin Awang, Azman Che Mat & Ahmad Nazuki Marzuki Yaakub. 2011. Tahap pembacaan al-quran dalam kalangan pelajar di UiTM Terengganu. *Asean Journal of Teaching & Learning in Higher Education* 3: 83–100. <http://myais.fsktm.um.edu.my/12078/>
- Che Pee Saad, Siti Safariah Abdullah Omar, Mohd Mahzan Awang & Sayuti Abd Ghani. 2014. Efikasi - Kendiri Guru dan Hubungannya Dengan Pencapaian Pelajar Sekolah Menengah Agama Negeri Selangor. *Wacana Pendidikan Islam Peringkat Kebangsaan Ke-10, 2014*, hlm. 374–382. Sabah: Penerbit Bersama, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Majlis Ugama Islam, Sabah.
- Fadzilah Haron. 2010. Hukum dan Kepentingan Membaca Al-Quran Bertajwid. blogspot.com.
- Hamka. 2017. Tafsir Al-Azhar juzuk 1. Selangor: PTS Publications.
- Imam An-Nawawi. 2015. Adab Berdamping Dengan Al-Quran. Hakim Rosly (penterjemah) (eds.). cetakan ke. Selangor: PTS Publications.
- Mohd Yusuf Ahmad. 2000. Sejarah dan Kaedah Pendidikan Al-Quran. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Norhanan Abdul Rahman. 2009. Kaedah hafazan al-quran sistem turki: kajian di tahfiz alquran darul tuba. Universiti Teknologi Malaysia
- Sharifah Norshah Bani Syed Bidin, Mohd Shafiee Hamzah, Tasnim Abd Rahman, Kasimah Kamaruddin & Nik Azeah Nik Azman. 2018. Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran AlQuran: Kajian Di Masjid UniSZA. *Jurnal Hadhari* 10(1): 93–108.
- Sheikh Abdullah Basmeih. 2001. Tafsir Pimpinan Ar rahman kepada pengertian alQuran. Kedua bela. Kuala Lumpur: Darul Fikir.